

21 JAN 2002

MAHATHIR-UTAMA/I

UTAMA BANKING DIBERI TEMPOH TAMBAHAN DAPATKAN RAKAN GABUNG

PETALING JAYA, 21 Jan (Bernama) -- Utama Banking Group Bhd telah diberi tempoh lanjutan enam bulan untuk mendapatkan rakan gabungan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

"Kita telah memberi lanjutan kira-kira enam bulan di mana dalam tempoh ini, Utama perlu mendapatkan satu rakan, kata Dr Mahathir yang merupakan menteri kewangan.

Tiada rujukan dibuat kepada cadangan awalnya untuk bergabung dengan RHB Bank Bhd.

Tarikh akhir bagi Utama untuk mendapatkan satu rakan adalah 31 Dis 2001 dan tempoh lanjutan bermula dari tarikh itu, katanya selepas melancarkan pusat masyarakat yang ditaja oleh pergerakan Puteri Umno Malaysia di flat Taman Seri Manja.

"Kita akan menangani situasi ini kerana Utama tidak layak untuk menjadi bank teras kerana ia tidak mempunyai modal yang mencukupi," katanya ketika menjawab soalan tentang penggabungan itu.

Dr Mahathir menegaskan bahawa kerajaan membenarkan hanya 10 bank teras dan Bank Utama belum bergabung dengan mana-mana bank tersebut.

Pada 15 Jan, Dr Mahathir berkata bahawa beliau berharap ada keputusan dibuat dalam minggu itu tentang cadangan penggabungan antara RHB dan Utama.

"Saya harap mereka (RHB) akan bergabung dengan," kata Dr Mahathir. --
BERNAMA

WAN FR JR